

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

Dato' Mansor Bin Othman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan formula pengiraan harga bahan api (petrol RON95 dan RON97 dan diesel) mingguan semenjak 29 Mac 2017, serta formula bagi harga bulanan sebelum itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penetapan harga runcit petrol dan diesel telah mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism (APM)* sejak tahun 1983. Komponen APM terdiri daripada kos produk petroleum, Alpha, Kos Operasi, Margin Syarikat Minyak dan Margin Pengusaha Stesen. Perubahan penetapan harga daripada bulanan kepada mingguan hanya melibatkan perbezaan pengiraan purata kos produk petroleum dari sebulan kepada tujuh hari.